

PANDUAN TADBIR URUS ICT

JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)

Dokumen ini bertujuan menguatkuasakan pemakaian panduan tadbir urus ICT sebagai mekanisma sokongan dalam memudahkan pelaksanaan kerja / tugas berkaitan ICT di Jabatan Alam Sekitar (JAS) tertakluk kepada arahan dan peraturan semasa



PANDUAN TADBIR URUS ICT

JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)

MAKLUMAT DOKUMEN:

Nama / No. Dokumen	Jenis Dokumen	Versi	Tarikh Kemaskini
Panduan Tadbir Urus ICT	Terhad	1.1	18 Oktober 2013

MAKLUMAT PINDAAN:

Muka Surat	Asal	Pindaan
i	Seksyen Portal 7 Multimedia	Seksyen Portal & Multimedia
Page 1, Para 2.4	berkuatkuasa	Berkuat kuasa
Page 2, Para 4.0 (a)	JASmenetapkan	JAS menetapkan
Page 4, Para 5.0	LAMPIRANC	LAMPIRAN C
Para 11, Para 5.7	Bidang Tugas 2.Jawatankuasa Pengurusan Maklumat Portal JAS;	2.Jawatankuasa Kerja Pengurusan Portal/Laman Web JAS;

KANDUNGAN

1.0	TUJUAN	1
2.0	LATARBELAKANG	1
3.0	KENYATAAN DASAR ICT	2
4.0	KOMPONEN TADBIR URUS ICT.....	2
5.0	STRUKTUR TADBIR URUS ICT	4
5.1	JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) JAS	4
5.2	JAWATANKUASA PENILAIAN TENDER / SEBUT HARGA	6
5.3	JAWATANKUASA KESELAMATAN ICT.....	7
5.4	JAWATANKUASA PENGURUSAN SISTEM KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS).....	8
5.5	JAWATANKUASA INDUK PENGURUSAN PORTAL / LAMAN WEB	9
5.6	JAWATANKUASA KERJA PENGURUSAN PORTAL / LAMAN WEB.....	10
5.7	PASUKAN TEKNIKAL PORTAL / LAMAN WEB.....	11
6.0	PENUTUP.....	12
	LAMPIRAN A.....	13
	LAMPIRAN B.....	14
	LAMPIRAN C.....	15

1.0 TUJUAN

- 1.1 Dokumen ini bertujuan menguatkuasakan pemakaian panduan tadbir urus ICT sebagai mekanisme sokongan dalam memudahkan pelaksanaan kerja / tugas berkaitan ICT di Jabatan Alam Sekitar (JAS) tertakluk kepada arahan dan peraturan semasa.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) telah ditubuhkan pada 6 Februari 1998 sebagai badan induk yang bertanggungjawab menggubal dasar dan strategi, menyelaras perancangan dan pelaksanaan serta memantau semua program ICT sektor awam. Penubuhan JITIK ini telah dijelaskan melalui **Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1999 "Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK)". Struktur tadbir urus ICT sektor awam adalah seperti di LAMPIRAN A.**
- 2.2 Tadbir urus JITIK telah diperkuuhkan melalui **Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2006 "Pengukuhan Tadbir Urus Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan"**. Struktur tadbir urus JITIK yang diperkuuhkan adalah seperti di **LAMPIRAN B**. Pekeliling ini juga telah menetapkan agensi di semua peringkat pentadbiran merujuk dan mendapatkan kelulusan teknikal bagi perolehan ICT daripada JTICT. JTICT sebagai jawatankuasa di bawah JITIK akan menyelaras dan melaporkan ICT kepada JITIK.
- 2.3 Tadbir urus teknikal projek ICT dijelaskan melalui **Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2009 "Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan"**.
- 2.4 Panduan Tadbir Urus ICT NRE juga diguna pakai sebagai panduan dalam penyediaan Panduan Tadbir Urus ICT JAS supaya selaras dengan hala tuju tadbir urus ICT Kementerian dengan merujuk kepada arahan dan peraturan yang Berkuat kuasa.

3.0 KENYATAAN DASAR ICT

3.1 Kenyataan Dasar ICT bagi Jabatan Alam Sekitar adalah :

'Kemudahan Komunikasi dan Teknologi Maklumat (ICT) adalah penting untuk menyokong sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan yang berintegrasi, berkesan, produktif dan berkualiti'.

4.0 KOMPONEN TADBIR URUS ICT

(a) **Pelan Strategik Teknologi Maklumat/ *ICT Strategic Plan (ISP)***

Pelan Strategik Teknologi Maklumat atau *Information and Communication Technology Strategic Plan (ISP)* JAS menetapkan hala tuju dan strategi perancangan, strategi pembangunan dan pelaksanaan ICT bagi menyokong pencapaian visi Jabatan. Gambaran ringkas ISP JAS yang telah digarap adalah seperti rajah berikut:



Rajah 1: Carta Ringkas ISP JAS

(b) Pengurusan Maklumat

Pengurusan maklumat yang mantap adalah penting untuk menyokong sistem penyampaian perkhidmatan yang disalurkan melalui aplikasi pengguna seperti laman web, aplikasi kerajaan elektronik dan lain-lain.

(c) Infrastruktur ICT

Infrastruktur ICT meliputi rangkaian, perkakasan dan perisian yang menyokong pelaksanaan ICT di Jabatan.

(d) Keselamatan ICT

Keselamatan ICT meliputi keperluan dasar, penguatkuasaan, kawalan dan langkah-langkah menyeluruh untuk melindungi aset ICT bagi memastikan urusan jabatan dapat beroperasi dengan lancar dan selamat.

(e) Perkhidmatan

Kemudahan perkhidmatan yang disediakan meliputi Internet dan komunikasi elektronik.

(f) Arahan dan peraturan

Garis panduan tadbir urus ICT Jabatan ini adalah tertakluk kepada arahan dan peraturan semasa.

5.0 STRUKTUR TADBIR URUS ICT

Struktur tadbir urus ICT adalah seperti di LAMPIRAN C dan merangkumi jawatankuasa-jawatankuasa seperti berikut:

5.1 Jawatankuasa Pemandu ICT (JPIC) JAS

Pengerusi	Ketua Pengarah atau Pegawai yang diturunkan kuasa
Ahli – Ahli	<ol style="list-style-type: none"> 1. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) (Merangkap Ketua Pegawai Maklumat JAS (<i>Chief Information Officer,CIO</i>)) 2. Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat (Merangkap Pengurus ICT JAS dan Pegawai Keselamatan ICT JAS (<i>ICT Security Officer,ICTSO</i>)) 3. Pengarah Bahagian Penguatkuasaan 4. Pengarah Bahagian Udara 5. Pengarah Bahagian Air & Marin 6. Pengarah Bahagian Bahan Berbahaya 7. Pengarah Bahagian Penilaian 8. Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik 9. Pengarah Institut Latihan Alam Sekitar (EiMAS) 10. Ketua Unit Industri Hijau
Urus Setia	Bahagian Teknologi Maklumat
Bidang Tugas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pelaksanaan ICT JAS; 2. Merancang, mengenalpasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju dan strategi ICT JAS; 3. Merancang dan menyelaras pelaksanaan program / projek-projek ICT JAS supaya selaras dengan Pelan Strategik ICT JAS dan Pelan Strategik ICT Sektor Awam;

	<ol style="list-style-type: none">4. Mempromosi dan menggalakkan perkongsian pintar projek ICT;5. Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;6. Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT JAS serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan ICT;7. Menilai dan meluluskan semua perolehan ICT JAS berdasarkan kepada keperluan sebenar dengan perbelanjaan berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;8. Menyelaras dan mengemukakan kertas cadangan perolehan ICT JAS kepada Urus Setia JPICT NRE untuk kelulusan teknikal;9. Mengemukakan laporan projek ICT yang diluluskan di peringkat JPICT JAS dan dibuat perolehan kepada Urus Setia JPICT NRE untuk diselaraskan dan dihantar kepada Urus Setia JTICT; dan10. Mengemukakan laporan kemajuan projek ICT JAS yang telah diluluskan kepada Urus Setia JPICT NRE untuk diselaraskan dan dihantar kepada Urus Setia JTICT mengikut tempoh-tempoh yang telah ditetapkan.
--	--

5.2 Jawatankuasa Penilaian Tender / Sebut Harga

Pengerusi	Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat (Merangkap Pengurus ICT JAS)
Ahli - Ahli	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dua (2) orang Pegawai Bahagian Teknologi Maklumat Gred F41 dan ke atas. 2. Seorang (1) Pegawai Bukan Skim F Gred 48 dan ke atas. 3. Pegawai-pegawai lain berkaitan.
Urus Setia	Bahagian Teknologi Maklumat
Bidang Tugas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melaksanakan penilaian teknikal Tender / Sebut Harga secara terperinci bagi perolehan ICT; 2. Menyediakan laporan penilaian teknikal untuk Lembaga Perolehan Tender / Jawatankuasa Sebut Harga JAS; dan 3. Melaporkan kemajuan pelaksanaan jawatankuasa ini kepada JPICT JAS.

5.3 Jawatankuasa Keselamatan ICT

Pengerusi	Ketua Pengarah atau Pegawai yang diturunkan kuasa
Ahli - Ahli	<ol style="list-style-type: none"> 1. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) (Merangkap Ketua Pegawai Maklumat JAS (<i>Chief Information Officer,CIO</i>)) 2. Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat (Merangkap Pengurus ICT JAS dan Pegawai Keselamatan ICT JAS (<i>ICT Security Officer,ICTSO</i>)) 3. Pengarah Bahagian Penguatkuasaan 4. Pengarah Bahagian Udara 5. Pengarah Bahagian Air & Marin 6. Pengarah Bahagian Bahan Berbahaya 7. Pengarah Bahagian Penilaian 8. Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik 9. Pengarah Institut Latihan Alam Sekitar (EiMAS) 10. Ketua Unit Industri Hijau
Urus Setia	Bahagian Teknologi Maklumat
Bidang Tugas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Merancang dasar, strategi dan pelan tindakan keselamatan ICT JAS; 2. Menyelaras, melaksana dan memantau pengurusan keselamatan ICT JAS; dan 3. Melaporkan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan keselamatan ICT kepada JPICT JAS

5.4 Jawatankuasa Pengurusan Sistem Keselamatan maklumat (ISMS)

Pengerusi	Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat (Merangkap Pengurus ICT JAS dan Pegawai Keselamatan ICT JAS (<i>ICT Security Officer,ICTSO</i>))
Ahli - Ahli	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penolong Pengarah Seksyen Pengurusan Teknikal Bahagian Teknologi Maklumat 2. Pegawai Teknologi Maklumat Seksyen Pengurusan Aplikasi, Bahagian Teknologi Maklumat 3. Pegawai Kawalan Alam Sekitar Seksyen GIS, Bahagian Teknologi Maklumat 4. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Seksyen Pengurusan Teknikal, Bahagian Teknologi Maklumat
Urus Setia	Seksyen Pengurusan Teknikal, BTM
Bidang Tugas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyelaras, melaksana dan memantau pelaksanaan pensijilan ISMS ke atas perkhidmatan BTM di JAS; 2. Melaporkan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan ISMS JAS kepada JPICT dan JKICT JAS; 3. Memperakui pasukan penilaian risiko dan menetapkan kriteria penerimaan risiko, tahap risiko, penemuan awal penilaian risiko dan <i>risk treatment plan</i>; 4. Menetapkan struktur organisasi ISMS; 5. Memantau keputusan dan tindakan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISMS; 6. Melantik pasukan audit dalam dan ketua audit dalam ISMS; 7. Memantau pelaksanaan tindakan pembetulan / penambahbaikan dan pencegahan; dan 8. Membantu mengukur keberkesanan kawalan dan pelaksanaan ISMS.

5.5 Jawatankuasa Induk Pengurusan Portal / Laman Web

Pengerusi	Ketua Pengarah atau Pegawai yang diturunkan Kuasa
Ahli - Ahli	<ol style="list-style-type: none"> 1. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) (Merangkap Ketua Pegawai Maklumat JAS (<i>Chief Information Officer,CIO</i>)) 2. Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat (Merangkap Pengurus ICT JAS dan Pegawai Keselamatan ICT JAS (<i>ICT Security Officer,ICTSO</i>)) 3. Pengarah Bahagian Penguatkuasaan 4. Pengarah Bahagian Udara 5. Pengarah Bahagian Air & Marin 6. Pengarah Bahagian Bahan Berbahaya 7. Pengarah Bahagian Penilaian 8. Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik 9. Pengarah Institut Latihan Alam Sekitar (EiMAS) 10. Ketua Unit Industri Hijau
Urus Setia	Bahagian Teknologi Maklumat
Bidang Tugas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menetapkan dasar, mekanisme dan pengurusan laman web / portal; 2. Menentukan dasar penyampaian perkhidmatan / maklumat melalui laman web / portal; 3. Menentukan keperluan kajian semula kandungan utama laman web / portal; dan 4. Mengesahkan keperluan-keperluan infrastruktur dan sokongan teknikal bagi laman web / portal.

5.6 Jawatankuasa Kerja Pengurusan Portal / Laman Web


Pengerusi	Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) (Merangkap Ketua Pegawai Maklumat JAS (<i>Chief Information Officer,CIO</i>)) atau Wakil Ganti
Ahli - Ahli	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat (Merangkap Pengurus ICT JAS dan Pegawai Keselamatan ICT JAS (<i>ICT Security Officer ,ICTSO</i>)) 2. Wakil Bahagian Penguatkuasaan 3. Wakil Bahagian Udara 4. Wakil Bahagian Air & Marin 5. Wakil Bahagian Bahan Berbahaya 6. Wakil Bahagian Penilaian 7. Wakil Bahagian Komunikasi Strategik 8. Wakil Institut Latihan Alam Sekitar (EiMAS) 9. Wakil Unit Industri Hijau
Urus Setia	Bahagian Teknologi Maklumat
Bidang Tugas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan kandungan dalam laman web / portal adalah terkini dan sahih; 2. Memastikan keseragaman dalam penyampaian maklumat dalam laman web / portal; 3. Mengesyorkan peningkatan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan; dan 4. Membuat kajian semula kandungan, susun atur, reka bentuk dan cara penyampaian laman web / portal.

5.7 Pasukan Teknikal Portal / Laman Web

Pengerusi	Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat
Ahli - Ahli	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penolong Pengarah, Seksyen Portal & Multimedia, Bahagian Teknologi Maklumat 2. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Bahagian Teknologi Maklumat
Urus Setia	Seksyen Portal & Multimedia, Bahagian Teknologi Maklumat
Bidang Tugas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengkaji dan mengesyorkan ciri-ciri baru dalam laman web / portal; 2. Mengesyorkan konsep reka bentuk, susun atur laman, keperluan-keperluan infrastruktur dan sokongan teknikal bagi laman web / portal kepada Jawatankuasa Kerja Pengurusan Portal/Laman Web JAS; 3. Memastikan kapasiti perkakasan dan perisian yang mencukupi untuk menampung operasi laman web/portal; 4. Memastikan ketersediaan laman web/portal untuk menampung keperluan masa hadapan; 5. Memastikan laman web/portal memenuhi tahap keselamatan yang ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya pencerobohan ke atas laman web / portal; dan 6. Menyediakan khidmat bantuan teknikal kepada pengguna yang menghadapi masalah semasa menggunakan perkhidmatan online atau sistem aplikasi yang disediakan di dalam laman web / portal.


6.0 PENUTUP

Dengan pewujudan Panduan Tadbir Urus ICT JAS ini, diharapkan agar pelaksanaan projek-projek ICT JAS dapat berjalan dengan lancar dan membantu memudahkan sistem penyampaian perkhidmatan serta produk JAS pada masa hadapan. Ia juga diharap dapat memberikan hala tuju dan panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam pengurusan ICT di JAS. Semua Bahagian / Unit hendaklah mematuhi panduan ini dalam melaksanakan perolehan ICT dan penyelenggaraan laman web / portal.

LAMPIRAN A**STRUKTUR TADBIR URUS SEKTOR AWAM**

LAMPIRAN B

STRUKTUR TADBIR URUS JAWATANKUASA IT DAN INTERNET KERAJAAN (JITIK)



LAMPIRAN C

JABATAN ALAM SEKITAR

CARTA STRUKTUR ORGANISASI TADBIR URUS ICT

